

BAHAGIAN A

Setiap item, dari SOALAN 1 hingga SOALAN 23, diberikan empat pilihan. Hanya satu daripada empat pilihan itu yang betul. Pilih jawapan yang betul dan lorek bujukan berangka (1, 2, 3 atau 4) berdasarkan pilihan kamu itu di Kertas Jawapan Optikal(OAS) yang disediakan.

IMBUHAN (20 MARKAH)

Arahan : Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Semua kanak-kanak yang bakal ke darjah satu di sini akan mempunyai tempat di sekolah rendah. Berita yang disampaikan ini amat __(1)__ ibu bapa. Tempat di sekolah-sekolah popular pun cepat __(2)__ semenjak pengumuman pihak berkuasa tentang __(3)__ untuk memasukkan anak mereka ke sekolah rendah bermula.</p> <p>Ibu bapa bimbang apabila berhadapan dengan __(4)__ anak-anak mereka ke darjah satu. Mereka __(5)__ pendidikan yang paling baik untuk anak mereka. Pendidikan yang terbaik tidak hanya __(6)__ kepada sekolah-sekolah sahaja. Malah ibu bapa juga merupakan __(7)__ yang penting. Pihak yang berkuasa juga telah memastikan semua sekolah mempunyai taraf dan __(8)__ yang sama.</p> <p>Pendidikan sekolah rendah dikatakan wajib. Fokus __(9)__ adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan. Sistem pendidikan kini sedang __(10)__ dengan begitu dekat sekali. Ini untuk kebaikan rakyat Singapura.</p>	<p>1. (1) dilegakan (2) kelegaan (3) melegakan (4) terlega</p> <p>2. (1) dipenuhi (2) memenuhi (3) penuhi (4) terpenuhi</p> <p>3. (1) berdaftar (2) mendaftar (3) pendaftaran (4) terdaftar</p> <p>4. (1) dimasukkan (2) kemasukan (3) memasuki (4) termasuk</p> <p>5. (1) diingini (2) keinginan (3) inginkan (4) mengingini</p> <p>6. (1) bergantung (2) digantung (3) menggantung (4) tergantung</p> <p>7. (1) bahagian (2) dibahagikan (3) membahagikan (4) terbahagikan</p> <p>8. (1) ditujukan (2) menuju (3) tertuju (4) tujuan</p> <p>9. (1) diperintah (2) memerintah (3) pemerintah (4) terperintah</p> <p>10. (1) dipantau (2) memantau (3) terantau (4) pantauan</p>
---	--

PERIBAHASA (10 MARKAH)

Arahan : Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

Baru-baru ini, Sekolah Rendah Citra telah menganugerahkan pelajar terbaik PSLE kepada Raees. Ramai tidak terkejut kerana dia memang murid yang **(11)tajam akal**. Ibu bapanya yang hadir di majlis penyampaian anugerah itu berasa sungguh **(12)berbesar hati**.

Ramai sahabatnya termasuk gurunya sendiri berpendapat bahawa Raees bukan sahaja bijak tetapi juga memang sungguh **(13)berkebolehan** dalam nyanyian dan lakonan memandangkan dia pernah menjuarai pertandingan adu bakat di sekolahnya pada tahun lalu.

Raees berkata, "Saya berusaha dengan gigih dan saya **(14)memerah tenaga** untuk memastikan yang saya meraih kejayaan."

Raees memang yakin yang dia boleh berjaya kerana dia berfikiran luas dan sentiasa ingin mengetahui perkembangan terkini. Dia tidak mahu **(15)hanya mengetahui hal-hal yang ada di sekelilingnya sahaja**. Pegangan terhadap prinsip inilah yang membuatkan dia boleh berjaya.

11. (1) cepat memiliki idea
(2) cepat meresap nasihat
(3) cepat mengatasi masalah
(4) cepat menerima pelajaran
12. (1) bangga terhadap sesuatu pemberian
(2) ghairah terhadap sesuatu pemberian
(3) mulia terhadap sesuatu pemberian
(4) senang terhadap sesuatu pemberian
13. (1) ada akal
(2) ada bakat
(3) tajam hati
(4) panjang akal
14. (1) berikhtiar
(2) bertekad
(3) bertungkus-lumus
(4) bersungguh-sungguh
15. (1) seperti kacang lupakan kulit
(2) seperti anjing dengan kucing
(3) seperti pahat dengan penukul
(4) seperti katak di bawah tempurung

KEFAHAMAN 1 (8 markah)

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Sukan merupakan aktiviti yang paling digemari oleh setiap orang di seluruh dunia. Ia merangkumi setiap lapisan masyarakat tanpa mengenal usia, bangsa atau negara. Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya ada acara-acara sukan yang diadakan secara besar-besaran. Bukan sahaja akan merasa seronok, malah sukan juga memberikan manfaat kepada manusia seluruh jagat. Sebagai contoh, sukan boleh mendatangkan manfaat dari segi kesihatan. Para saintis dan doktor berpendapat bahawa seseorang yang menjalani aktiviti sukan atau senaman selama 20 minit setiap hari boleh menjadi lebih sihat dari segi fizikal dan juga mental. Selain dari itu, sukan juga bertindak sebagai pengerat ikatan sesama manusia mahupun negara.

Pelbagai acara sukan diadakan secara besar-besaran. Antaranya ialah acara sukan bolasepak Piala Dunia. Ia melibatkan pelbagai negara. Setiap negara mempunyai harapan yang tersendiri untuk menjadi juara dalam pertandingan tersebut. Olimpik juga turut mendapat perhatian ramai. Ini disebabkan acara ini melibatkan berbagai jenis sukan yang ditandingkan seperti tenis, bola keranjang dan sebagainya.

Kini, sukan telah melahirkan ramai bintang. Mereka amat diagung-agungkan kerana kebolehan mereka dalam setiap bidang sukan yang diceburi. Mereka juga mempunyai daya tarikan sendiri kerana ketampanan atau kecantikan yang dimiliki. Walaupun demikian, kesemua bintang-bintang sukan turut memainkan peranan penting. Misalnya, David Beckham, Lionel Messi, Cristiano Ronaldo dan lain-lain mempunyai tanggungjawab untuk menjadi contoh teladan kepada generasi muda. Setiap perbuatan mereka sering mendapat perhatian. Tidak hairanlah sekiranya sukan dapat menyebarkan dan menggalakkan kebaikan sesama manusia.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 3, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

16. Sukan mendatangkan manfaat kerana _____.

- (1) acara-acaranya
- (2) kenyataan para doktor
- (3) acara yang besar-besaran
- (4) dapat meningkatkan kesihatan dari segi fizikal dan juga mental

17. Antara ciri menarik tentang acara Olimpik adalah _____.

- (1) bolasepak
- (2) bakal juaranya
- (3) cara ia dijalankan
- (4) kepelbagaian acara sukan

18. Kesimpulannya, bintang-bintang sukan mempunyai tanggungjawab kerana _____.

- (1) kemahiran mereka
- (2) menjadi juara dalam sukan
- (3) perbuatan mereka mendapat perhatian
- (4) daya tarikan yang ada pada setiap individu

19. Maksud **menjalankan** dalam petikan adalah _____.

- (1) menyuruh
- (2) membuat
- (3) mengarah
- (4) merancang

RANGSANGAN GRAFIK (8 MARKAH)

Arahan: Teliti brosur yang berikut.

KARNIVAL KANAK-KANAK CEMERLANG

Anjuran Taman PPIS Pasir Ris.
Kerjasama Mendaki dan Kelab Masyarakat Pasir Ris

Dijalankan di Bugis

Kami menjemput semua seisi keluarga yang mempunyai anak-anak yang berumur dari 4 tahun hingga 10 tahun. Sila hadir. Jangan lupa, ya!

Daftar sekarang!

Tempat terhad bagi karnival ini. Hamper makanan istimewa akan disediakan untuk semua yang mendaftar.

PROGRAM MENARIK:

- ✓ Pembelajaran Bahasa (Inggeris dan Melayu)
- ✓ Matematik Asas
- ✓ Kerja Tangan
- ✓ Sains Asas

Hidangan makanan yang berkhasiat

Untuk pembelian tiket, sila hubungi:

Aida Jantan
Blk 69, Taman PPIS Pasir Ris, # 06-22,
Singapura 332111
Tel: 63421121

Atau

Normala Omar
Blk 72, Taman PPIS Bedok, #01-11,
Singapura 563112
Tel: 64531234

Ibu pejabat:
No 12, PPIS Jurong West, Singapura 555444
Tel: 6771777

Ditutup pada hari Ahad dan cuti umum

Arahan: Berdasarkan brosur di halaman 5, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

20. Karnival Kanak-Kanak Cemerlang akan berlangsung di _____.

- (1) Bugis
- (2) Bedok
- (3) Pasir Ris
- (4) Jurong West

21. Bagi para ibu bapa yang mempunyai anak yang meminati segala bentuk seni, tentunya akan tertarik dengan program _____.

- (1) pembelajaran Sains Asas
- (2) pembelajaran kraf tangan
- (3) pembelajaran bahasa Inggeris
- (4) hidangan makanan yang berkhasiat

22. Program berikut boleh didapati di karnival ini **melainkan** _____.

- (1) Sains asas
- (2) kerja tangan
- (3) Matematik asas
- (4) penjagaan kanak-kanak

23. Para ibu bapa mesti mendaftar awal disebabkan _____.

- (1) tempat yang terhad
- (2) hamper makanan yang terhad
- (3) pejabat ditutup pada hari Ahad
- (4) terdapat program yang menarik

BAHAGIAN B

Bagi SOALAN 24 hingga SOALAN 41, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di Kertas Soalan ini.

GOLONGAN KATA (16 MARKAH)

ARAHAN : Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini desepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

berkenalan	keperluan	kuat
latihan	mencabar	mendapat
menimba	sehingga	sentiasa
sepanjang	teliti	tentang

Setelah kematian ibu bapanya, Syed hidup dalam kesunyian. Disebabkan tidak mempunyai harta, dia melalui kehidupan yang sunyi dan mengharungi hidup yang amat
(24)_____.

Semuanya berubah apabila dia **(25)**_____ dengan saudagar kaya yang bernama Encik Maarof. **(26)**_____ pengenalan, Syed dapat menimba ilmu **(27)**_____ perniagaan. Encik Maarof telah membimbingnya bagaimana hendak menjalankan perniagaan dengan **(28)**_____ dan cemerlang. Berbekal dengan ilmunya, dia berazam untuk membuka sebuah gedung yang menjual berbagai-bagai **(29)**_____ harian. Dia berjaya mengumpulkan dana sebanyak \$50,000. Encik Maarof berpesan kepada Syed agar **(30)**_____ bekerja keras.

Syed amat gembira di atas kejayaannya sebagai seorang peniaga. Gedungnya telah **(31)**_____ banyak keuntungan. Kini, Syed merupakan seorang peniaga yang disegani

Markah yang diperolehi	
------------------------	--

FRASA (8 MARKAH)

ARAHAN : Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- | |
|--------------------------------------|
| (1) kurang pasti |
| (2) mempunyai masalah |
| (3) pernyataan itu benar |
| (4) mengotorkan longkang tadi |
| (5) lewat untuk masuk ke pejabat |
| (6) inginkan kepastian daripada kamu |

Polis : Kamu tahu apa kesalahan yang telah kamu lakukan?

Riyan : Saya **(32)** (_____).

Polis : Baiklah, saya akan terangkan. Saya diberitahu bahawa kamu telah membuang bungkus makanan di longkang tadi. Adakah **(33)**(_____)?

Riyan : Ya. Saya mengaku saya bersalah membuang sampah tadi. Saya lakukan itu kerana sudah **(34)**(_____).

Polis : Hmm? Lewat?

Riyan : Ya. Saya harus melaporkan diri balik ke pejabat pada jam dua petang. Malangnya saya sudah lewat. Saya pun terburu-buru balik ke pejabat.

Polis : Walau bagaimanapun, kamu tidak boleh bertindak sedemikian. Perbuatan kamu itu salah dan boleh **(35)**(_____).

Riyan : Saya minta maaf. Saya berjanji saya tidak akan melakukannya lagi.

Markah yang diperolehi	
---------------------------	--

KEFAHAMAN 2 (20 MARKAH)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Loceng sekolah sudah berbunyi. Arif baru sahaja melangkah keluar dari kelasnya. Dia terasa letih. Cikgu Budiman baharu sahaja mengulangkaji pelajaran Bahasa Melayu secara intensif. Kelasnya akan menghadapi peperiksaan akhir tahun dalam masa beberapa minggu lagi. Cikgu Budiman mempunyai harapan yang tinggi sekali. Arif dan rakan-rakan sedarjahnya mempunyai potensi yang tinggi dan mampu mendapat gred 'A' untuk peperiksaan Bahasa Melayu.

"Arif! Arif! Mari kita bermain bola! Kita tidak perlu ke kelas nanti," jerit salah seorang rakan sedarjahnya.

Arif tidak **menghiraukan** jeritan itu dan mula berjalan ke kantin untuk mendapatkan minuman. Ada kelas tambahan Bahasa Melayu sebentar lagi. Arif tidak mahu ponteng kelas. Ini bukan masanya untuk berseronok.

"Tolong! Tolong! Kakiku!" jerit Haron yang kesakitan sambil terbaring di padang.

Sementara itu, ramai murid berdiri di tepi padang sambil memerhatikan kejadian itu. Arif bergegas ke padang dengan segera. Kaki Haron tidak berdarah tetapi kemerah-merahan. Haron terus mengerang kesakitan. Kaki kanannya tidak boleh bergerak. Beberapa minit kemudian, Cikgu Budiman tiba. Dia cuba menenangkan Haron. Dia memberitahu Haron agar jangan **panik** kerana telah mendapatkan bantuan.

Haron dikejarkan ke hospital. Cikgu Budiman terpaksa **membatalkan** kelasnya. Dia harus menemani Haron ke hospital. Tanpa melengahkan masa, Arif menghubungi ibu bapa Haron. Mereka pasti akan dicengkam kebimbangan. Arif berharap tiada yang serius menimpa Haron.

Apa yang dibimbangkan menjadi kenyataan. Doktor memberitahu bahawa tulang kaki kanan retak dan harus diberi rawatan di hospital selama tiga minggu. Haron menitikkan air mata tanda kesal. Dia akan terlepas menduduki peperiksaan bahasa Melayu. Nasi sudah menjadi bubur.

ARAHAN : Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

36. Apakah sebabnya Arif rasa keletihan? (2 markah)

Markah yang diperolehi	
---------------------------	--

37. Mengapakah Cikgu Budiman mempunyai harapan yang tinggi? (2 markah)

Markah yang diperolehi	
---------------------------	--

38. Arif tidak mahu bermain bola bersama rakan-rakan di padang selepas sekolah. Berikan **dua** sebab mengapa. (4 markah)

Markah yang diperolehi	
---------------------------	--

39. "Apa yang dibimbngkan menjadi kenyataan." Jelaskan mengapa. Berikan **dua** perkara yang dibimbangkan. (4 markah)

Markah yang diperolehi	
---------------------------	--

40. Nyatakan satu sifat Arif. Tuliskan **satu** contoh bagi menyokong jawapan kamu . (4 markah)

Markah yang diperolehi	
---------------------------	--

41. (a) Berdasarkan petikan karangan di halaman 9, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) menghiraukan (1 markah)

Markah yang diperolehi	
---------------------------	--

(ii) panik (1 markah)

Markah yang diperolehi	
---------------------------	--

(iii) membatalkan (1 markah)

Markah yang diperolehi	
---------------------------	--

(b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud belajar semula perkara-perkara yang sudah dipelajari ialah _____ . (1 markah)

Markah yang diperolehi	
---------------------------	--

SELESAI

PSLE MALAY 2013
Darjah 6
Kunci Jawapan

BAHAGIAN A

IMBUHAN		PERIBAHASA		KEFAHAMAN 1		RANGSANGAN GRAFIK	
1) 3	6) 1	11) 4	16) 4	20) 1			
2) 1	7) 1	12) 1	17) 4	21) 2			
3) 3	8) 4	13) 2	18) 3	22) 4			
4) 2	9) 3	14) 3	19) 2	23) 1			
5) 3	10) 1	15) 4					

BAHAGIAN B

GOLONGAN KATA		FRASA	
24) mencabar	28) teliti	32) 1	
25) berkenalan	29) keperluan	33) 3	
26) sepanjang	30) sentiasa	34) 5	
27) tentang	31) mendapat	35) 4	

KEFAHAMAN 2	
36) baru selesai belajar/ulangkaji Bahasa Melayu secara intensif. (2M)	
37) mempunyai potensi yang tinggi (1M) dan mampu mendapat gred 'A' untuk peperiksaan Bahasa Melayu. (1M)	
38)	
(1) letih kerana baru selesai sekolah (2M)	
(2) peperiksaan hampir tiba (2M)	
(3) ada kelas tambahan (2M)	
(jawapan murid yang munasabah boleh diterima)	
39) (1) kaki patah (2M)	
(2) terlepas peperiksaan akhir tahun (2M)	
40) sifat – rajin/bertekad/disiplin (2M)	
Contoh – tidak bermain bola (2M), ingin menghadiri kelas tambahan (2M), bukan masa untuk berseronok kerana peperiksaan hampir tiba (2M)	
41) (a) (i) memperdulikan, mengendahkan	41) (a) (iii) ditiadakan
41) (a) (ii) takut, bimbang	41) (b) mengulangkaji